



## **GARIS PANDUAN PENYEDIAAN PONDOK BAS DI SEBERANG PERAI**



Tarikh Kuatkuasa Pengunaan Pada 25 Oktober 2023  
Diluluskan Dalam Majlis Penuh Ke – 592 Bil. 10/2023 Bertarikh 25 Oktober 2023

## **GARIS PANDUAN PENYEDIAAN PONDOK BAS DI SEBERANG PERAI**

Garis panduan ini bertujuan memberi panduan kepada pemaju bagi menyediakan pondok bas berdasarkan jumlah unit dan bilangan pondok bas yang akan dikenakan syarat dalam pelan permohonan kebenaran merancang (PKM).

### **PENYEDIAAN PONDOK BAS**

#### **1) PEMBANGUNAN INDIVIDU / BLOK**

1.1 Kategori pembangunan individu/ blok adalah seperti berikut:

Kategori	Sub-Kategori
Kediaman	Flat / Pangaspuri / Kondominium
Institusi	Pejabat Kerajaan Kompleks Mahkamah Hospital Balai Polis / Balai Bomba Pusat Penyelidikan / Pusat Latihan Perpustakaan
Pendidikan	Universiti / Politeknik / Institut Sekolah Berasrama Sekolah Harian
Fasiliti Komuniti / Rekreasi	Taman Negara / Taman Negeri / Taman Awam / Taman Bunga / Taman Permainan / Taman Rekreasi Taman Tema / Zoo / Taman Burung / Taman Sains Kompleks Sukan / Stadium Dewan Komuniti
Komersial	Pejabat Restoran / Restoran Pandu Lalu Pasar Hotel Pusat Membeli-belah
Terminal	Jeti / Fery Lapangan Terbang Stesen Keretapi / Komuter / MRT / LRT / BRT / ERL / Monorel Stesen Park & Ride

Jadual 1

1.2 Penyediaan pondok bas untuk pembangunan individu/blok adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan dua (2) unit pondok bas dengan rekabentuk *Universal Design* (UD) iaitu di hadapan dan bertentangan dengan pembangunan sekiranya tiada pondok bas di kawasan berhampiran, atau;
- b) Bagi kawasan pembangunan yang terdapat pondok bas sedia ada dan memerlukan kerja-kerja naiktaraf kepada rekabentuk *Universal Design* (UD) kerana telah usang, pihak pemaju hendaklah menaiktaraf pondok bas tersebut.

- c) Pondok bas tidak perlu disediakan sekiranya telah terdapat pondok bas rekabentuk *Universal Design* (UD) dalam lingkungan jarak 400 meter kiri dan kanan di hadapan pembangunan tersebut. Walaubagaimanapun, pemaju perlu membayar sumbangan kewangan kepada MBSP berjumlah RM 22,000.00/unit (atau mengikut nilai semasa pembinaan pondok bas dengan rekabentuk *Universal Design* (UD)) bagi pondok bas yang tidak dapat dibina sebagai gantian bagi penyediaan kemudahan pondok bas.

## 2) PEMBANGUNAN INDUSTRI

- 2.1 Kategori pembangunan industri adalah seperti berikut:

Kategori	Sub-Kategori
Industri	Industri Ringan / Kilang
	Industri Berat
	Industri Teknologi Tinggi

Jadual 2

- 2.2 Penyediaan pondok bas untuk pembangunan industri adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan satu (1) unit pondok bas dengan rekabentuk *Universal Design* (UD) iaitu di hadapan pembangunan sekiranya tiada pondok bas di kawasan berhampiran, atau;
- b) Bagi kawasan pembangunan yang terdapat pondok bas sedia ada dan memerlukan kerja-kerja naiktaraf kepada rekabentuk *Universal Design* (UD) kerana telah usang, pihak pemaju hendaklah menaiktaraf pondok bas tersebut.
- c) Pondok bas tidak perlu disediakan sekiranya telah terdapat pondok bas rekabentuk *Universal Design* (UD) dalam lingkungan jarak 400 meter kiri dan kanan di hadapan pembangunan tersebut. Walaubagaimanapun, pemaju perlu membayar sumbangan kewangan kepada MBSP berjumlah RM 22,000.00/unit (atau mengikut nilai semasa pembinaan pondok bas dengan rekabentuk *Universal Design* (UD)) bagi pondok bas yang tidak dapat dibina sebagai gantian bagi penyediaan kemudahan pondok bas.

## 3) PEMBANGUNAN BERBENTUK SKIM

- 3.1 Penyediaan pondok bas untuk pembangunan berbentuk skim bergantung kepada saiz pembangunan seperti berikut:

i) 60 UNIT DAN KE BAWAH

- a) Pondok bas tidak perlu disediakan sekiranya telah terdapat pondok bas dalam lingkungan jarak 400 meter kiri dan kanan pembangunan tersebut, atau;
- b) Jika kawasan tersebut tidak mempunyai pondok bas dan terdapat keperluan, boleh disyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan dua (2) unit pondok bas rekabentuk *Universal Design* (UD) iaitu dihadapan dan bertentangan dengan pembangunan.

ii) 61 UNIT DAN KE ATAS

- a) Pondok bas rekabentuk *Universal Design* (UD) perlu disediakan sekiranya tiada pondok bas di kawasan berhampiran, atau:
  - b) Pemaju dikehendaki menaiktaraf pondok bas sedia ada kepada rekabentuk *Universal Design* (UD), sekiranya telah terdapat pondok bas rekabentuk lama di kawasan berhampiran.
- 3.2 Berikut adalah bilangan pondok bas yang perlu disediakan oleh pemaju berdasarkan bilangan unit pembangunan yang melebihi 61 unit:

Bilangan Unit	Keperluan Pondok Bas (Dihadapan Dan Bertentangan Pembangunan)
61 - 360	Dua (2)
361 – 720	Empat (4)
721 – 1080	Enam (6)
1081 – 1440	Lapan (8)
Lebih dari 1441	Sepuluh (10)

Jadual 3

- 3.2.1 Penyediaan pondok bas di tapak adalah berdasarkan panjang pembangunan tersebut yang menghadap dengan jalan utama.
- 3.2.2 Berikut adalah bilangan pondok bas yang perlu disediakan oleh pemaju berdasarkan bilangan unit pembangunan dan panjang pembangunan yang menghadap dengan jalan utama serta sumbangan kewangan kepada MBSP berdasarkan bilangan pondok bas yang tidak dapat disediakan:

Bilangan Unit	Keperluan Pondok Bas	Panjang Pembangunan (x-meter) Yang Menghadap Dengan Jalan Utama	Bilangan Pondok Bas Yang Perlu Dibina (Dihadapan Dan Bertentangan Pembangunan)	Bilangan pondok bas yang tidak dapat disediakan kerana panjang jalan tidak mencukupi
61 - 360	Dua (2)	-	Dua (2)	-
361 – 720	Empat (4)	x < 800	Dua (2)	Dua (2)
		x > 800	Empat (4)	-
721 – 1080	Enam (6)	x < 800	Dua (2)	Empat (4)
		800 < x < 1200	Empat (4)	Dua (2)
		x > 1200	Enam (6)	-
1081 – 1440	Lapan (8)	x < 800	Dua (2)	Enam (6)
		800 < x < 1200	Empat (4)	Empat (4)
		1200 < x < 1600	Enam (6)	Dua (2)
		x > 1600	Lapan (8)	-
Lebih dari 1441	Sepuluh (10)	x < 800	Dua (2)	Lapan (8)
		800 < x < 1200	Empat (4)	Enam (6)
		1200 < x < 1600	Enam (6)	Empat (4)
		1600 < x < 2000	Lapan (8)	Dua (2)
		x > 2000	Sepuluh (10)	-

Jadual 4

**Catatan:** Penyediaan pondok bas akan bergantung kepada keadaan tapak, ketersediaan perkhidmatan bas, ketersediaan pondok bas di sekitar kawasan pembangunan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.

- 3.2.3 Bagi kawasan pembangunan yang mempunyai panjang jalan yang mencukupi untuk pembinaan pondok bas, pihak pemaju hendaklah menyediakan bilangan pondok bas seperti yang ditetapkan mengikut Jadual 4. Contohnya, keperluan 4 buah pondok bas, pemaju hendaklah menyediakan 4 unit pondok bas.
- 3.2.4 Sekiranya pemaju enggan memenuhi keperluan penyediaan pondok bas mengikut bilangan yang telah ditetapkan oleh Majlis, pemaju hendaklah membayar sumbangan sebanyak RM22,000.00 untuk setiap unit pondok bas yang tidak disediakan. (bayaran sumbangan adalah mengikut nilai semasa pondok bas) Contohnya, pemaju perlu menyediakan 4 unit pondok bas tetapi pemaju hanya mahu menyediakan 2 unit pondok bas. Oleh itu, pemaju hendaklah membuat bayaran sebanyak RM44,000.00 wang sumbangan ( $RM22,000.00 \times 2$  unit pondok bas yang tidak disediakan)
- 3.2.5 Bagi kawasan pembangunan yang tidak mempunyai panjang jalan yang mencukupi untuk pembinaan pondok bas, pihak pemaju akan diberikan kurangan peratus / diskain sebanyak 54.55% daripada RM22,000.00 wang sumbangan. Pihak pemaju hendaklah membayar sebanyak RM10,000.00 untuk setiap unit pondok bas yang tidak dapat disediakan mengikut jadual 4.
- 3.2.6 Bagi kawasan pembangunan yang terdapat pondok bas sedia ada dan memerlukan kerja-kerja naiktaraf dijalankan kerana telah usang, pihak pemaju hendaklah menaiktaraf pondok bas tersebut.
- 3.2.7 Bagi kawasan pembangunan yang terdapat pondok bas sedia ada dan pondok bas tersebut telah dinaiktaraf, pihak pemaju hendaklah membayar wang sumbangan sebanyak RM22,000.00 untuk setiap unit pondok bas yang tidak perlu disediakan oleh pihak pemaju mengikut Jadual 4.

#### **4) LALUAN PEJALAN KAKI**

- 4.1 Pondok bas yang di bina perlu disambungkan ke pembangunan dengan menyediakan laluan pejalan kaki mengikut rekabentuk sejahtera ( universal design )
- 4.2 Laluan pejalan kaki perlulah mempunyai kelebaran sekurang-kurangnya 1.5 meter dan dari jenis konkrit. Walaubagaimanapun jika rezab bahu jalan yang berkelebaran kurang 1.5 meter maka kelebaran minima laluan pejalan kaki 1.2 meter adalah dibenarkan.

#### **5) PENGECUALIAN PENYEDIAAN PONDOK BAS**

- 5.1 Pengecualian penyediaan pondok bas bagi kategori pembangunan seperti berikut:-
  - a) Pembangunan melibatkan badan keagamaan.
  - b) Pembangunan melibatkan tanah perkuburan.

- c) Stesen minyak di tepi lebuhraya dimana tiada perkhidmatan bas awam.
- d) Kilang yang dibangunkan di dalam kawasan industri yang telah lengkap dengan infrastuktur

**6) MEMASANG PAPARAN SLOGAN (TAGLINE) MBSP PADA RUANG PAPAN IKLAN DI PONDOK BAS**

6.1 Memasang paparan slogan (tagline) MBSP pada ruang papan iklan seperti berikut:-

BIL	SENARAI TAGLINE	FONT
1	SEBERANG PERAI ASPIRASI BANDAR MASA HADAPAN	ARIAL
2	KEBERSIHAN SEBERANG PERAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA	ARIAL
3	PERKHIDMATAN ON-LINE MBSP  	ARIAL
4	IMBAS KOD QR UNTUK SEMAK DAN BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP SECARA ONLINE DENGAN MUDAH & PANTAS  	ARIAL
5	BAYARLAH CUKAI TAKSIRAN, ELAKKAN HARTA ANDA DISITA	ARIAL
6	I LOVE PENANG	ARIAL
7		-

8	BAYARLAH CUKAI TAKSIRAN UNTUK PEMBANGUNAN SEBERANG PERAI	ARIAL
9	MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA	ARIAL
10	SAYANGILAH ALAM SEKITAR DEMI GENERASI MASA HADAPAN	ARIAL
11	KITAR SEMULA, FIKIR DULU SEBELUM BUANG	ARIAL
12	BANDAR BERSIH, RAKYAT SEJAHTERA	ARIAL

